

Kaji tingkat pengurusan sumber air di empangan

JOHOR BAHRU: Kerajaan negeri akan mengkaji bagaimana untuk memperingkatkan lagi pengurusan sumber air di empangan utama di negeri ini supaya dapat menampung kegunaan air yang semakin meningkat.

Antara langkah yang akan dilakukan termasuk menstabilkan paras air di Empangan Bekok, Sembrong Barat dan Kahang bagi kegunaan penduduk di sekitar Kulang dan Batu Pahat.

Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar negeri, Tan Kok Hong, berkata pihaknya akan mengkaji bagaimana sumber air di empangan itu boleh digunakan secara berhemah bagi menampung bekalan kepada penduduk sekitar.

"Kita ada masalah pengurusan iaitu pengguna menggunakan air secara berlebihan yang boleh menyebabkan masalah kekurangan sumber berkecukupan," katanya pada sidang

akbar selepas merasmikan hari terbuka Loji Rawatan Kumbahan sempena Sambutan Hari Air Sedunia di Loji Rawatan kumbahan Taman Anggerik di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, Tan turut melawat loji kumbahan berteknologi tinggi pertama di negeri ini yang mampu menapis air sehingga menghasilkan air pada Standard A atau bersamaan dengan kualiti air di hulu sungai selain kos penyelenggaraan lebih murah dan efektif.

Hadir sama, Presiden Persatuan Air Malaysia, Ahmad Zahdi Jamil yang juga Ketua Eksekutif Ranhill Utilities.

Tan berkata, kerajaan berharap rakyat dapat menggunakan air secara berhemah supaya sumber berkenaan dapat dikedepankan untuk kegunaan dalam tempoh yang lama.

Katanya, walaupun negeri ini mempunyai sumber air yang banyak dengan hanya empat peratus daripada sumber air digunakan, namun ia bukanlah alasan untuk membazir.

"Ketika ini kita hanya menggunakan empat peratus sumber air di permukaan dan belum lagi menggunakan sumber air bawah tanah, tetapi amat baik jika kita menggunakan secara berhemah," katanya.

Sementara itu, Tan berkata, konsep loji terbaru itu mungkin akan diperkenalkan ke seluruh negeri ini bagi menghasilkan air lebih bersih daripada loji kumbahan sedia ada.

"Pelan pembersihan kumbahan dijalankan oleh Majlis bandaraya Johor Bahru dan selepas terbukti projek pertama ini berjaya, kita akan memperkenalkannya di tempat lain," katanya.

Ahmad Zahdi berkata, projek berkenaan mendapat kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi geran antarabangsa dan terbukti berkesan untuk membersihkan sisa kumbahan dengan kos lebih murah berbanding teknologi yang ada ketika ini.

"Pada kebiasaannya kos merawat sisa kumbahan loji



TAN (kanan) meninjau pokok yang tumbuh subur di kawasan takungan loji rawatan kumbahan Taman Anggerik sempena hari terbuka loji.

pengumpulan bagi kira-kira 5,000 penduduk adalah RM4 juta hingga RM5 juta, tetapi menerusi sistem terbaru ini,

kita hanya memerlukan kira-kira RM700,000 dan ia terbukti boleh menghasilkan air yang lebih bersih," katanya.